

Perubahan Garis Pantai dan Susutan Darat: Cadangan Geoindikator Yang Berpotensi

ZAITUL ZAHIRA GHAZALI¹, JOY J. PEREIRA¹ & JUHARI MAT AKHIR²

¹Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia

²Program Geologi, Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam
Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengurusan bersepadu zon pinggir pantai perlu dijalankan bagi mengatasi masalah persekitaran pinggir pantai yang sebahagian besar berkaitan dengan proses-proses geologi. Proses-proses geologi memainkan peranan penting dalam menyebabkan perubahan garis pantai dan susutan darat. Antara geoindikator yang dicadangkan bagi memantau perubahan garis pantai ialah perubahan aras laut, perubahan geomorfologi, perubahan tindakan fizikal dan perubahan guna tanah. Beberapa parameter telah dikenalpasti bagi geoindikator tersebut.
